



KPDNHEP Kaji Kira-kira 11 Jenis Barangan, Sebelum Umum Skim Kawalan Harga Dalam Masa Terdekat

MAY 7, 2020

KEMENTERIAN Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengkaji kira-kira 11 jenis barangan sebelum mengumumkannya dalam masa yang terdekat.

Menurut Menteriya Datuk Alexander Nanta Linggi, Skim Kawalan Harga Musim Perayaan sempena Hari Raya Aidil Fitri tetap diteruskan.

Jelas beliau, kira-kira 11 jenis barangan yang akan ditetapkan pada harga maksima dan wajib dipatuhi peniaga pada musim perayaan kali ini, antaranya adalah seperti ayam, telur dan daging lembu, manakala selebihnya akan diumumkan nanti bagi memastikan pihaknya dapat menjaga kepentingan orang ramai, peniaga dan semua yang terlibat.

“Ia bukanlah perkara yang mudah namun kami mempunyai anggota penguat kuasa yang berpengalaman dan akan menetapkan harga yang tidak akan membebankan mana-mana pihak,” katanya seperti dipetik Bernama.

Lebih 47,000 pemeriksaan telah dilakukan ke atas peruncit, pemborong dan pengilang di seluruh negara bagi memantau harga dan bekalan barangan.

<https://tvsarawak.com/kpdnhep-kaji-kira-kira-11-jenis-barangan-sebelum-umum-skim-kawalan-harga-dalam-masa-terdekat/>